

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08/09/2017

# Azmin bidas Mahathir isu kerjasama PKR-PAS

BH- 8/9/2017 p.15

➔ MB Selangor perjas Anwar berhak nyata pandangan selaku Ketua Umum Pakatan Harapan

Oleh **Tharanya Aurumugam**  
bhnews@bh.com.my  
▸ Shah Alam

**T**imbangan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, semalam membidas Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu kerjasama PKR-PAS.

Ia susulan kritikan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu terhadap kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu hubungan PKR dan PAS diteruskan.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Besar Selangor turut mengingatkan Dr Mahathir bahawa Anwar adalah Ketua Umum Pakatan Harapan yang menggabungkan PKR-DAP-PPBM-Parti Amanah Negara.

Selaras kedudukan itu, beliau berkata, Anwar berhak untuk menyuarakan pandangannya serta menawarkan cadangan berkaitan kepentingan parti.

"Saya mahu mengingatkan Dr Mahathir bahawa Datuk Seri Anwar juga Ketua Umum Pakatan Harapan, beliau bukan hanya Ketua Umum PKR," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

## Mahu teruskan hubungan dengan PAS

Baru-baru ini, Anwar dalam suaranya, mahu hubungan PKR dengan PAS diteruskan selagi parti Islam itu bersedia untuk meneruskan perbincangan.

Berikutan itu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, pakatan pembangkang berhadapan masalah kecil dengan PKR yang dilihat berbolak-balik dalam rancangan mereka bergabung dengan PAS.

Pengerusi PPBM itu juga dipetik berkata, jika PAS bergabung dengan Pakatan Harapan, ia akan menimbulkan masalah berikutan parti itu akan menuntut untuk bertanding di semua kerusi yang pernah ditandingi sebelum ini.

Isu sama sebelum ini turut menyebabkan Mohamed Azmin dan

Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli berselisih pendapat.

Menteri Besar Selangor itu sebelum ini bertegas mengenai kerjasama dengan PAS bagi mengelakkan pertandingan tiga penjurua pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

## Penyebab perpecahan PKR

Rafizi tidak bersetuju dan dilaporkan berkata, tindakan Mohamed Azmin untuk merapatkan kembali hubungan dengan PAS sepatutnya dilakukan secara persetujuan bersama melalui Kongres Nasional selaras perlembagaan parti itu.

Ahli Parlimen Pandan itu juga dipetik berkata, perbezaan pendapat mengenai sama ada PKR meneruskan kerjasama dengan PAS atau sebaliknya, dalam usaha mengekalkan kedudukan di Selangor menyebabkan perpecahan dalam PKR.

Isu berkenaan juga, katanya, mencetuskan kekeliruan dalam kalangan ahli akar umbi parti terabit.



Saya mahu mengingatkan Dr Mahathir bahawa Datuk Seri Anwar juga Ketua Umum Pakatan Harapan, beliau bukan hanya Ketua Umum PKR"

**Mohamed Azmin Ali,**  
Timbalan Presiden PKR